

Headline	Alpa punca Kedah tewas		
MediaTitle	Sinar Harian (Utara)		
Date	27 Jul 2015	Language	Malay
Circulation	25,000	Readership	75,000
Section	NEWS	Color	Full Color
Page No	52	ArticleSize	192 cm ²
AdValue	RM 1,065	PR Value	RM 3,195



Alpa punca Kedah tewas

ALOR SETAR - Kealpaan pada minit akhir perlawanan menyaksikan harapan Kedah untuk menang di Stadium Sultan Ismail Nasiruddin Shah, Kuala Terengganu tidak kesampaian apabila tewas 2-1 kepada Terengganu pada suku akhir pertama Piala Presiden 2015, kelmarin.

Bagaimanapun, gol tunggal Mohd Muzaimir pada minit ke-24 menjadi bonus buat pelapis Hijau Kuning bagi suku akhir kedua pada 1 Ogos ini di Stadium Universiti Utara Malaysia (UUM).

Pengurus pasukan, Anas Hafiz Mustaffa berkata, jaringan lawan pada minit ke-90 menerusi Amirul Syahmi nyata membuka mata pasukan kejurulatihan terhadap beberapa kelemahan pemain.

Menurutnya, sebelum itu, Amirul mengejutkan Kedah pada minit ke-20 menerusi jaringan awalnya dan pemain itu sekali lagi berjaya mengejutkan pasukannya pada penghujung babak saingan.

"Kelekaan pada saat-saat akhir permainan memberi ruang kepada tuan rumah untuk men-

jaringkan gol kemenangan.

"Bagaimanapun satu gol yang diperoleh di Kuala Terengganu sangat berharga kerana ia membuka ruang kepada Kedah untuk mara ke separuh akhir nanti dengan syarat perlu memanfaatkan kelebihan sebagai tuan rumah pula pada 1 Ogos nanti," katanya.

Anas Hafiz berkata, beliau sangat berharap penyokong Hijau Kuning dapat memenuhi Stadium UUM pada aksi timbal balik nanti untuk membantu pelapis Kedah supaya dapat mengatasi kelebihan lawan.



Sepakan percuma Mohd Muzaimir berjaya memastikan Kedah memperoleh satu gol di laman lawan.